

# Agrobank sasar salur semua peruntukan RM800 juta

**Agrobank** menyasarkan untuk menyalurkan semua Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) berjumlah RM800 juta menjelang akhir tahun ini, meskipun baru diumumkan kerajaan pada Jun lalu.

Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon, berkata daripada jumlah diperuntukkan, dana pembiayaan

RM200 juta merangkumi RM100 juta bagi usahawan mikro, RM50 juta bagi usahawan mikro baharu dan RM50 juta bagi usahawan muda sudah lebih separuh disalurkan.

“Dana selebihnya membabitkan RM300 juta bagi pembiayaan ternakan ayam, RM200 juta bagi ternakan ruminan (lembu dan kambing) dan RM100 juta bagi tanaman sayur-sayuran.

“Walaupun dana ini masih banyak, kami yakin mampu menghabiskan semuanya menjelang akhir tahun ini dibantu dengan promosi yang giat dilaksanakan.

“Malah, penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) selama 11 hari berakhir 14 Ogos lalu

turut membantu dari segi hebatan dana ini kepada pemohon berpotensi,” katanya.

## Beri pendedahan

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Program Inkubator Keusahawanan Akuakultur, yang dianjurkan dengan kerjasama bersama Universiti Putra Malaysia (UPM), di Serdang, semalam.

Mengenai program inkubator itu, Aminuddin berkata, ia adalah sebuah program berstruktur yang dirangka khas oleh Agrobank Centre of Excellence (ACE) dengan kerjasama Jabatan Akuakultur Fakulti Pertanian UPM bertujuan memberi pendedahan secara praktikal kepada siswazah berkenaan ilmu keusahawanan dalam bidang akuakultur.